

06 JUL 2002

KERAJAAN AKAN BANTU PESAKIT BUAH PINGGANG - KATA LIONG SIK

KLANG, 6 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan membantu pesakit buah pinggang di negara ini bagi mengurangkan bebanan mereka ekoran penyakit itu, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, perkara itu telah dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet, di mana Perdana Menteri Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju pesakit berkenaan diberi bantuan.

"Perdana Menteri akan mengumumkan kemudian bentuk bantuan yang akan diberikan," katanya selepas merasmikan bangunan baru Pertubuhan Hemodialisis Pasar Besar Jalan Meru, di sini hari ini.

Dr Ling berkata, para penyokong kerajaan turut menimbulkan perkara itu di Parlimen baru-baru ini, memandangkan kos rawatan penyakit itu adalah tinggi.

Pusat hemodialisis di Jalan Meru itu sebelum ini beroperasi di sebuah klinik berhampiran sejak lima tahun lepas. Ia mengenakan bayaran RM60 untuk sekali rawatan.

-- BERNAMA

SHS HM